

## Penularan COVID-19

# IPMA benar pelajar jalani latihan industri

MARA sedia panduan patuhi SOP kepada siswa di 284 institut

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelajar daripada mana-mana Institut Pendidikan MARA (IPMA) boleh meneruskan latihan industri antara tiga hingga enam bulan mengikut ketetapan majikan masing-masing serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP), ketika pandemik COVID-19.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan MARA, Razlan Samsuri, berkata Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) dan Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA mengamalkan pengurusan pendidikan akademik serta latihan pelajar fleksibel tanpa menjejaskan kualiti akademik program.

“Kita benarkan pelajar dari mana-mana IPMA meneruskan latihan industri, merujuk kepada sektor ekonomi yang sudah dibuka kerajaan.

“Bagaimanapun syarikat dan industri terbabit perlu mendapatkan keputusan sahih kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) terlebih dahulu.

“Beberapa panduan disediakan oleh bahagian berkenaan kepada pelajar yang sedang dan akan mengikuti latihan industri bagi mematuhi prosedur stan-

dard operasi (SOP) yang dikeluarkan kerajaan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk PKP Bersyarat (PKPB), PKP Diperketatkan (PKPD) serta kesediaan majikan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sebanyak 284 IPMA di bawah MARA seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German Malaysian Institut (GMI), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT), Kolej Profesional MARA (KPM), MARA Japan Industrial Institut (MJII), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan GI-ATMARA yang terbabit dalam keperluan latihan industri kepada pelajar.

Razlan berkata, MARA menyediakan ekosistem lengkap bagi program pendidikan profesional dan teknikal yang juga instrumen utama dalam melahirkan modal insan berkemahiran, inovatif dan berdaya saing.

“Pelbagai program ditawarkan dengan latihan industri menjadi satu daripada program melatih dan mendedahkan pelajar kepada industri pekerjaan sebenar.

“Ia juga satu daripada komponen penting pengajian yang memberi syarat wajib lulus kepada semua pelajar IPMA bagi melayakkan mereka menamatkan pengajian,” katanya.

Susulan itu pelajar institusi

pengajian tinggi (IPT) awam perlu menjalani latihan industri dalam situasi COVID-19 yang melanda negara, beliau berkata, MARA juga menasihatkan pelajar jika perlu bekerja di pejabat supaya sentiasa mematuhi SOP bagi mengelak penularan dan jangkitan virus berkenaan.

“Pelajar boleh merujuk terus kepada MARA bagi mendapatkan maklumat lanjut,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Mahazan Abd Mutualib, berkata pihaknya memantau keadaan pelajar yang menjalani latihan industri dari segi kefahaman SOP, kesihatan, menjawab maklum balas majikan dan menguruskan isu pelajar yang berbangkit akibat pandemik COVID-19.

“Ini juga termasuk membenarkan tempoh latihan industri dipendekkan jika mencapai objektif pembelajaran selaras pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Pihak fakulti fleksibel menentukan kaedah latihan industri. Ini membolehkan pelajar meneruskan pembelajaran dan keselamatan pelajar diutamakan.

“Segala keputusan dan tindakan diambil USIM adalah merujuk kepada arahan dari semasa ke semasa dikeluarkan MKN, KKM, KPT dan MQA,” katanya.



Razlan Samsuri

